

# Hal Situasi

**S**ecara asasnya, *hal* (حَال) ialah fungsi nahu Arab yang bertujuan untuk menjelaskan situasi sesuatu perkara. Contohnya, firman Allah SWT dalam *Surah al-Isra'* ayat 37 (وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا... ) yang bermaksud, “Dan jangan engkau berjalan di bumi dalam keadaan sombong... ”. Ayat ini mengandungi isim, iaitu *مَرَحًا* (sombong) yang menerangkan keadaan entiti lawan tutur *أَنْتَ* (engkau).

Para sarjana linguistik Arab menegaskan bahawa terdapat ciri khusus bagi kata dengan fungsi *hal*. Pada dasarnya, elemen *hal* berbentuk kata nama *nakirah* (tiada elemen *ال* pada awal kata) dengan hukum *mansub* yang datang selepas ayat lengkap. Contohnya, firman Allah dalam *Surah Nuh* ayat 14 (وَقَدْ خَلَقَكُمْ أَطْوَارًا) yang bermaksud, “Padahal sesungguhnya Dia menciptakan kalian dalam keadaan kejadian berperingkat.” Jika diamati, kata *أَطْوَارًا* yang bercirikan isim, awalnya tiada *ال* dan *mansub* dengan tanda fathah, menunjukkan bahawa kata tersebut berfungsi sebagai *hal* yang menjelaskan keadaan penciptaan manusia. Suatu yang pasti ialah elemen *hal* (*أَطْوَارًا*) datang selepas laras ayat sempurna (وَقَدْ خَلَقَكُمْ).

Selain itu, terdapat elemen *hal* dalam al-Quran yang *mansub* dengan tanda *ya*, iaitu ayat 60 *Surah al-Baqarah* (وَلَا تَعْتُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ). Kata *مُفْسِدِينَ* berfungsi sebagai *hal* yang *mansub* dengan tanda *ya* memandangkan leksikal ini bercirikan jamak *muzakkar salim*. Kalimah *مُفْسِدِينَ* menjelaskan situasi entiti lawan tutur *أَنْتُمْ* (kalian) yang difahami daripada rangkaian kata *لَا تَعْتُوا*.

Selain itu juga, ayat 25 *Surah al-Nisa'* (وَأْتُوهُنَّ أَجُورَهُنَّ بِالْعَرُوفِ مُحْصَنَاتٍ) mengandungi kata *مُحْصَنَاتٍ* (menjaga maruah) yang berfungsi sebagai *hal*. Hal ini dikatakan demikian kerana kata nama ini tiada *ال* pada awalnya, dan datang selepas laras ayat lengkap. Pada masa yang sama, kata *مُحْصَنَاتٍ*

bercirikan *mansub* dengan kasrah memandangkan leksikal ini tergolong dalam jamak *muannas salim*. Kata *مُحْصَنَاتٍ* tersebut menerangkan situasi golongan wanita (*هُنَّ*) yang difahami berdasarkan konteks.

Suatu yang pasti ialah elemen *hal* akan menghuraikan situasi sama ada bagi pelaku (*فَاعِل*) atau objek (*مَفْعُولُ بِهِ*). Misalnya, ayat 21 *Surah al-Qasas* (فَخَرَجَ مِنْهَا خَائِفًا) mengandungi elemen *hal*, iaitu kata *خَائِفًا* (dalam keadaan takut) yang bertujuan untuk menerangkan situasi pelaku (*هُوَ*) yang melatari kata *خَرَجَ*.

Ayat 79 *Surah al-Nisa'* (وَأَرْسَلْنَاكَ لِلنَّاسِ رَسُولًا) pula memperlihatkan adanya elemen *hal* (*رَسُولًا*) yang menerangkan keadaan *maf'ul bih* (*كَ*), iaitu Nabi Muhammad SAW.

Jika diamati, kata dengan fungsi *hal* sering terdapat tambahan terjemahan Melayu, iaitu “dalam keadaan” atau “sebagai”. Dalam *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, Abdullah Basmeih menterjemahkan kata *رَاضِيَةً* dalam ayat 28 *Surah al-Fajr* (ارْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكَ رَاضِيَةً مَّرْضِيَةً) dengan maksud “dalam keadaan berpuas hati” ekoran fungsinya sebagai *hal* yang menjelaskan keadaan jiwa (*النَّفْسُ*). Kata *مُبَشِّرِينَ* dalam ayat 213 *Surah al-Baqarah* (فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّينَ مُبَشِّرِينَ) juga diterjemahkan dengan maksud “sebagai pemberi khabar gembira” memandangkan kata *مُبَشِّرِينَ* menerangkan situasi para nabi (*النَّبِيِّينَ*).

Selain itu, elemen *hal* juga datang dalam bentuk ayat yang bermula dengan *damir munfasil* dan ada partikel *wau hal* sebelumnya. Pada kebiasaannya, *wau hal* ini diterjemahkan sebagai “walhal” atau “sedangkan”. Firman Allah dalam ayat 18 *Surah al-Kahfi* (وَتَحَسَّبُوهُمْ أَيْقَاطًا وَهُمْ رُقُودٌ) memperlihatkan keterlibatan *wau hal* yang ditambah dengan rangkaian kata *هُمْ رُقُودٌ* (mereka tidur) sekali gus menunjukkan bahawa rangkaian kata berkenaan menerangkan situasi sebenar pemuda *ashab al-kahfi*. 